

**Raptai Keberangkatan SPB Yang Dipertuan Agong Lancar
Bernama
10 Disember, 2011**

ALOR SETAR, 10 Dis (Bernama) -- Raptai penuh keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dari Istana Anak Bukit ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim sejauh 5.3 kilometer pagi Sabtu berjalan lancar.

Raptai bermula dengan keberangkatan baginda berdua ke anjung Istana Anak Bukit kira-kira 6.50 pagi. Setiba baginda di anjung Istana diadakan bacaan doa selamat, azan dilaungkan dan nobat 'Raja Berangkat' dimainkan.

Mengikut atur cara jadual, baginda berdua akan berlepas ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim pada pukul 7.30 pagi.

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih menjadi Yang diPertuan Agong ke-14 menggantikan Tuanku Mizan Zainal Abidin, mulai Selasa ini.

Di Lapangan Terbang, baginda akan memeriksa pasukan kawalan kehormatan DiRaja terdiri daripada 103 pegawai dan anggota Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu DiRaja dan kemudian tembakan meriam 21 das dilepaskan oleh pasukan Rejimen Artileri dari Taiping, Perak.

Selepas pemeriksaan kawalan kehormatan sekali lagi doa selamat dibacakan dan lagu 'Negaraku' dimainkan sebelum baginda berdua menaiki pesawat MAS ke Kuala Lumpur.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633283>